



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

---

RABU, 14 FEBRUARI 2024

LAPORAN HARIAN





JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



www.kpwkm.gov.my

kpwkm

14/2/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
1	<b>PENGASUH DITUDUH TAMPAR MUKA BAYI 11 BULAN</b>	
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/02/1211962/pengasuh-dituduh-tampar-muka-bayi-11-bulan">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/02/1211962/pengasuh-dituduh-tampar-muka-bayi-11-bulan</a>	BHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2024/02/13/pengasuh-taska-didakwa-aniaya-bayi-perempuan-10-bulan/">https://www.kosmo.com.my/2024/02/13/pengasuh-taska-didakwa-aniaya-bayi-perempuan-10-bulan/</a>	KOSMO.COM.MY
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pengasuh-tidak-mengaku-tampar-muka-bayi-11-bulan-458030?">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pengasuh-tidak-mengaku-tampar-muka-bayi-11-bulan-458030?</a>	ASTROAWANI.COM
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/649282/berita/semasa/pengasuh-tidak-mengaku-tampar-muka-bayi-11-bulan">https://www.sinarharian.com.my/article/649282/berita/semasa/pengasuh-tidak-mengaku-tampar-muka-bayi-11-bulan</a>	SINARHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.utusan.com.my/berita/2024/02/pengasuh-taska-didakwa-aniaya-bayi-perempuan-10-bulan/">https://www.utusan.com.my/berita/2024/02/pengasuh-taska-didakwa-aniaya-bayi-perempuan-10-bulan/</a>	UTUSAN.COM.MY
	<a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/02/13/pengasuh-didakwa-tampar-bayi-11-bulan/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/02/13/pengasuh-didakwa-tampar-bayi-11-bulan/</a>	FREEMALAYSIATODAY.COM
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/02/1060289/pengasuh-didakwa-tampar-muka-bayi-berusia-11-bulan">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/02/1060289/pengasuh-didakwa-tampar-muka-bayi-berusia-11-bulan</a>	HMETRO.COM.MY
	<a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2269921">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2269921</a>	BERNAMA.COM
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=D3wCeukYtvM">https://www.youtube.com/watch?v=D3wCeukYtvM</a>	YOUTUBE
	<a href="https://www.tvsarawak.my/2024/02/13/pengasuh-mengaku-tidak-bersalah-aniaya-bayi/">https://www.tvsarawak.my/2024/02/13/pengasuh-mengaku-tidak-bersalah-aniaya-bayi/</a>	TVSARAWAK.MY
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=QIS6w9fcq-w">https://www.youtube.com/watch?v=QIS6w9fcq-w</a>	YOUTUBE
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=g9QuuojTOUI">https://www.youtube.com/watch?v=g9QuuojTOUI</a>	YOUTUBE
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=p08gNpw_zPo">https://www.youtube.com/watch?v=p08gNpw_zPo</a>	YOUTUBE
	<a href="https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/02/13/babysitter-pleads-not-guilty-to-abusing-11-month-old-baby-at-nilai-daycare-centre/117782">https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/02/13/babysitter-pleads-not-guilty-to-abusing-11-month-old-baby-at-nilai-daycare-centre/117782</a>	MALAYMAIL.COM
	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/02/13/babysitter-claims-trial-to-abusing-infant-in-nilai-daycare-centre">https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/02/13/babysitter-claims-trial-to-abusing-infant-in-nilai-daycare-centre</a>	THESTAR.COM.MY



UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

14/2/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
2	<b>JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN, KPKT BEKERJASAMA PERIKSA SISTEM PENGGERA KEBAKARAN DI PERUMAHAN AWAM</b>	
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/02/1211986/jabatan-wilayah-persekutuan-kpkt-bekerjasama-periksa-sistem-penggera">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/02/1211986/jabatan-wilayah-persekutuan-kpkt-bekerjasama-periksa-sistem-penggera</a>	BHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.nst.com.my/news/nation/2024/02/1012767/govt-ensure-fire-alarm-system-flats-fts-are-par-dr-zaliha">https://www.nst.com.my/news/nation/2024/02/1012767/govt-ensure-fire-alarm-system-flats-fts-are-par-dr-zaliha</a>	NST.COM.MY
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/02/1060291/mangsa-kebakaran-flat-sri-sabah-ditempatkan-sementara-di-rumah-transit">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/02/1060291/mangsa-kebakaran-flat-sri-sabah-ditempatkan-sementara-di-rumah-transit</a>	HMETRO.COM.MY
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2024/02/13/flat-sri-sabah-mangsa-terima-bantuan-rm7300-rumah-transit-khamis-ini/">https://www.kosmo.com.my/2024/02/13/flat-sri-sabah-mangsa-terima-bantuan-rm7300-rumah-transit-khamis-ini/</a>	KOSMO.COM.MY
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/02/1211924/mangsa-kebakaran-flat-sri-sabah-dapat-rumah-sementara">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/02/1211924/mangsa-kebakaran-flat-sri-sabah-dapat-rumah-sementara</a>	BHARIAN.COM.MY
	<a href="https://malaysiagazette.com/2024/02/13/mangsa-kebakaran-flat-sri-sabah-diberikan-rumah-transit-zaliha/">https://malaysiagazette.com/2024/02/13/mangsa-kebakaran-flat-sri-sabah-diberikan-rumah-transit-zaliha/</a>	MALAYSIAGAZETTE.COM
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/02/1060263/bukan-bunga-api-kebakaran-akibat-masalah-pendawaian-elektrik">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/02/1060263/bukan-bunga-api-kebakaran-akibat-masalah-pendawaian-elektrik</a>	HMETRO.COM.MY
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/02/1060269/tidak-sampai-15-minit-keluar-saya-terima-panggilan-rumah-terbakar">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/02/1060269/tidak-sampai-15-minit-keluar-saya-terima-panggilan-rumah-terbakar</a>	HMETRO.COM.MY
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/02/1211884/masalah-pendawaian-elektrik-punca-kebakaran-di-flat-sri-sabah">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/02/1211884/masalah-pendawaian-elektrik-punca-kebakaran-di-flat-sri-sabah</a>	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
3	<b>'TERIMA KASIH AKAK POLIS WALAUPUN BUKAN ANAK SENDIRI'</b>	
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2024/02/13/terima-kasih-akak-polis-walaupun-bukan-anak-sendiri/">https://www.kosmo.com.my/2024/02/13/terima-kasih-akak-polis-walaupun-bukan-anak-sendiri/</a>	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
4	<b>SARAWAK AUSTRALIA BUSINESS CHAMBER PRESIDENT HOSTS CNY DO</b>	
	<a href="https://www.newsarawaktribune.com.my/sarawak-australia-business-chamber-president-hosts-cny-do/">https://www.newsarawaktribune.com.my/sarawak-australia-business-chamber-president-hosts-cny-do/</a>	NEWSARAWAKTRIBUNE.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

14/2/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
5	<b>PROGRAM UPLIFTING LIVES PETRONAS MERIAHKAN SAMBUTAN TAHUN BAHRU CINA DI LABUAN</b>	
	<a href="https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2269995">https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2269995</a>	BERNAMA.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
6	<b>ANAK WANITA MAUT DIBAKAR SUAMI DIBANTU LANJUT PELAJARAN</b>	
	<a href="https://www.utusan.com.my/berita/2024/02/anak-wanita-maut-dibakar-suami-dibantu-lanjut-pelajaran/">https://www.utusan.com.my/berita/2024/02/anak-wanita-maut-dibakar-suami-dibantu-lanjut-pelajaran/</a>	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
7	<b>KES BUNUH BAYI: REMAJA MENGAKU BERSALAH, TERLEPAS HUKUMAN MATI</b>	
	<a href="https://www.malaysiakini.com/news/696045">https://www.malaysiakini.com/news/696045</a>	MALAYSIAKINI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
8	<b>15 YEARS FOR CAUSING DEATH OF HER BABY</b>	
	<a href="https://www.dailyexpress.com.my/news/228620/15-years-for-causing-death-of-her-baby/">https://www.dailyexpress.com.my/news/228620/15-years-for-causing-death-of-her-baby/</a>	DAILYEXPRESS.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
9	<b>WARDEN ASRAMA DI KELANTAN DIDAPATI BERSALAH ROGOL, LIWAT PELAJAR</b>	
	<a href="https://harapandaily.com/2024/02/13/ustaz-sekolah-di-kelantan-didakwa-rogol-liwat-pelajar/">https://harapandaily.com/2024/02/13/ustaz-sekolah-di-kelantan-didakwa-rogol-liwat-pelajar/</a>	HARAPANDAILY.COM
	<a href="https://www.malaysiaharmoni.net/ustaz-sekolah-agama-kelantan-rogol-murid-tingkatan-dua/">https://www.malaysiaharmoni.net/ustaz-sekolah-agama-kelantan-rogol-murid-tingkatan-dua/</a>	MALAYSIAHARMONI.NET

## Pengasuh dituduh tampar muka bayi 11 bulan

Oleh Ahmad Hasbi - Februari 13, 2024 @ 12:52pm  
bhnews@bh.com.my



SEREMBAN: Pengasuh pusat asuhan kanak-kanak dihadapkan ke Mahkamah Sesyen hari ini atas pertuduhan mencederakan bayi perempuan berusia 11 bulan di bawah jagaannya, awal bulan ini.

Tertuduh, Norsham Ismail, 67, bagaimanapun mengaku tidak bersalah di hadapan Hakim Meor Sulaiman Ahmad Tarmizi selepas pertuduhan dibacakan.

Pengasuh itu dituduh menampar muka mangsa berusia 11 bulan pada jam 7.47 hingga jam 7.59 pagi, 5 Februari lalu di sebuah taska di Desa Cempaka, Nilai.

Justeru, tertuduh melakukan suatu kesalahan di bawah Seksyen 31(1)(A) Akta Kanak-Kanak 2001 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 31(1) akta sama.

Jika disabitkan boleh didenda tidak lebih RM50,000 atau dipenjarakan tempoh maksimum 20 tahun atau kedua-duanya.

Timbalan Pendakwa Raya, Syamimi Farhana Muhammad A Aziz memohon mahkamah menetapkan jaminan RM20,000 dengan seorang penjamin warga tempatan dan syarat tambahan tidak mengganggu mangsa.

Peguam dari Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK), A Partheeban memohon mahkamah mengenakan jaminan paling rendah dan munasabah.

Mahkamah kemudiannya menetapkan jaminan RM7,000 dan tarikh 13 Mac bagi sebutan semula keputusan penuh laporan perubatan.

Media pada 7 Februari lalu melaporkan pengasuh wanita di sebuah pusat asuhan kanak-kanak ditahan polis selepas disyaki mendera seorang bayi perempuan berusia 11 bulan ketika dalam jagaannya pada 5 Februari lalu.

Ketua Polis Daerah Nilai, Superintendan Abdul Malik Hasim dilaporkan berkata, pihaknya menerima laporan polis daripada seorang wanita berusia 20-an mengenai kejadian terbabit pada jam 6.12 petang 6 Februari lalu.



Pengasuh pusat asuhan kanak-kanak, Norsham Ismail, 67, dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Seremban atas pertuduhan mencederakan bayi perempuan berusia 11 bulan di bawah jagaannya, awal bulan ini. - Foto NSTP/Azrul Edham

## Jabatan Wilayah Persekutuan, KPKT bekerjasama periksa sistem penggera kebakaran di perumahan awam

Oleh Tutty Haryanti Ahmad Rodzi - Februari 13, 2024 @ 1:34pm  
bhnews@bh.com.my



KUALA LUMPUR: Jabatan Wilayah Persekutuan akan bekerjasama dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk memeriksa sistem penggera kebakaran di perumahan awam di Wilayah Persekutuan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa, berkata itu perkara yang sepatutnya dilakukan oleh kedua-dua pihak berkenaan bagi memastikan sistem penggera kebakaran dan keselamatan berfungsi sewaktu kecemasan.

"Saya ada juga dengar semalam yang ada masalah dengan paip bomba, jadi kita akan kerjasama dengan bomba dan KPKT.

"Kita bimbang ketika waktu kecemasan, alat pemadaman tidak boleh digunakan kerana dalam keadaan rosak yang mungkin disebabkan pelbagai faktor termasuk vandalisme," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melawat dan menyerahkan sumbangan kepada mangsa kebakaran di Blok 70 Flat Sri Sabah di Sekolah Kebangsaan (SK) Seri Cheras, Cheras di sini, hari ini.

Turut hadir, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad; Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Kamarulzaman Mat Salleh; Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Kuala Lumpur, Muhammad Salleh Abdul.

Terdahulu, Zaliha menyerahkan setiap keluarga yang terabit turut menerima sumbangan tunai berjumlah RM7,300.


Sumbangan itu termasuk RM5,000 dari Jabatan Wilayah Persekutuan manakala dari DBKL dan Pejabat Ahli Parlimen Bandar Tun Razak masing-masing sebanyak RM1,000 serta RM300 dari Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Dalam kejadian kira-kira jam 9 malam Ahad lalu, kebakaran itu membabitkan enam unit tingkat 17 blok 70 Flat Sri Sabah yang dihuni 11 mangsa daripada lima keluarga.

Ketika ini hanya lima mangsa ditempatkan di pusat pemindahan sementara (PPS) di SK Seri Cheras manakala 11 orang lagi menumpang di rumah saudara.



Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa bersama Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Noraini Ahmad; Ahli Parlimen Bandar Tun Razak, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Kamarulzaman Mat Salleh beramah mesra dengan mangsa kebakaran Blok 70, Flat Sri Sabah, Cheras pada majlis penyampaian sumbangan di Pusat Penempatan Sementara Sekolah Kebangsaan Seri Cheras, Cheras. - Foto NSTP/Aizuddin Saad



## 'Terima kasih akak polis walaupun bukan anak sendiri'

Oleh TUAN NURHIDAYAH TUAN AB.GHANI 13 Februari 2024, 10:38 pm



Anggota menjaga anak tahanan yang terbabit kes jenayah komersial. Foto: Friends of PDRM

PETALING JAYA – Walaupun bukan darah daging sendiri, namun anggota polis wanita tetap ambil peduli dan menjaga seorang anak tahanan wanita.

Pada malam ini, baru sahaja tular perkongsian gambar di satu kumpulan Facebook, memaparkan satu keping gambar polis wanita menjaga anak tahanan dipercayai terbabit kes jenayah komersial.

Anggota polis itu dilihat berada di hadapan paip air bersama seorang kanak-kanak lelaki tidak berbaju dan berseluar kuning.

Hanya melalui sekeping gambar, ia seolah-olah mampu berbicara sehingga memberi kesan kepada pengguna lain sekali gus mendapat pujian ramai pihak.

"Terima kasih akak polis walaupun bukan anak sendiri.

"Sudah menjadi tanggungjawab kepada anggota balai untuk menyediakan segala kemudahan kepada anak berikutan ibunya telah ditangkap dibawah kesalahan jenayah komersial.

"Kebajikan anak tetap terjaga sebelum dirujuk kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat," ujarnya.

Menurut perkongsian itu, momen berkenaan berjaya ditangkap ketika berada di balai polis Bentong, Pahang. –KOSMO! ONLINE.




## Sarawak Australia Business Chamber president hosts CNY do

📍 Neville Timothy Sanders    ❤️ Sarawak News    📅 13 February 2024



*Chan (third left) in a photo with Wan Junaidi (centre), Wan Junaidi's wife Toh Puan Fauziah Mohd Sanusi (third right) and Nancy (second left).*

**KUCHING:** Sarawak Australia Business Chamber president Rodger Chan Siong Boh hosted a Chinese New Year (CNY) do at his residence on the first day of the festival. Notable guests in attendance included Yang di-Pertua Negeri Sarawak Tun Wan Junaidi Tuanku Jaafar, Deputy Premier Datuk Amar Awang Tengah Ali Hasan, and various ministers such as federal Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri; Women, Childhood and Community Wellbeing Development Minister Datuk Seri Fatimah Abdullah; Utility and Telecommunication Minister Datuk Seri Julaihi Narawi, and Food Industry, Commodity and Regional Development Minister Datuk Seri Dr Stephen Rundi Utom. Deputy Utility and Telecommunication Minister Datuk Dr Abdul Rahman Junaidi also graced the occasion.



## PROGRAM UPLIFTING LIVES PETRONAS MERIAHKAN SAMBUTAN TAHUN BAHRU CINA DI LABUAN



Ahli Parlimen Labuan Datuk Dr Suhaili Abdul Rahman (tiga, kanan) bersama Ketua Pejabat Wilayah PETRONAS Sabah dan Labuan Siti Ayu Abdul Wahab (tiga, kiri) ketika menyampaikan sumbangan kepada salah seorang penerima pada Program Memacu Kehidupan - Yayasan Petronas sempena Tahun Baharu Cina di sini hari ini.

13/02/2024 04:58 PM

LABUAN, 13 Feb (Bernama) – Petronas meraikan sambutan Tahun Baharu Cina dengan memeriahkan program Uplifting Lives kepada penerima di Labuan hari ini.


Inisiatif yang diterajui oleh Yayasan Petronas, cabang tanggungjawab sosial Petronas yang diadakan semasa majlis sambutan yang dihadiri Ahli Parlimen Labuan Datuk Dr Suhaili Abdul Rahman di Hotel Tiara di sini.

Kemuncak acara itu ialah pengagihan bungkusan makanan dan hamper yang disampaikan sendiri oleh Dr Suhaili kepada lima daripada 50 penerima terpilih dari Labuan.

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Labuan memainkan peranan dalam memilih penerima yang layak, dan bertanggungjawab untuk mengagihkan baki barangan kepada orang lain yang memerlukan.

Ketua Pejabat Wilayah Petronas Sabah dan Labuan Siti Ayu Abdul Wahab berkata program Uplifting Lives merupakan inisiatif tahunan Yayasan Petronas bersempena perayaan besar di Malaysia termasuk Tahun Baharu Cina, Aidilfitri, Kaamatan, Gawai, Deepavali, dan Krismas.

Beliau berkata bersempena perayaan Tahun Baharu Cina kali ini, Yayasan Petronas menyasarkan untuk menyediakan sejumlah 2,150 pakej makanan di seluruh negara, termasuk 100 di Sabah dan 50 di Labuan.



## Anak wanita maut dibakar suami dibantu lanjut pelajaran



ARTHUR Joseph Kurup beramah mesra dengan tiga beradik yang kehilangan ibu di Kampung Linsuk, Sook semalam

Oleh SURAIDAH ROSLAN 13 Februari 2024, 9:16 am

**KENINGAU:** Tiga beradik yang kehilangan ibu akibat melecur teruk dibakar suami pada 3 Februari lalu mendapat perhatian Ahli Parlimen Pensiangan, Datuk Arthur Joseph Kurup.

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan itu mengambil inisiatif mengambil tiga beradik itu sebagai pelajar angkat bagi memastikan mereka tidak tercicir daripada pelajaran.

Arthur berkata, beliau komited untuk menampung perbelanjaan dan keperluan tiga beradik itu sehingga mereka tamat persekolahan.

"Saya akan mengambil tiga beradik ini sebagai pelajar angkat saya. Komitmen saya adalah untuk memastikan tiga beradik ini dapat dijaga dengan baik terutama pendidikan mereka semasa di sekolah.


"Saya juga komited untuk menanggung semua kos keperluan mereka sehingga selesai belajar di sekolah," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Arthur turut melawat dan menyampaikan bantuan kewangan, peralatan sekolah dan barang keperluan dapur kepada keluarga dan anak-anak mendiang di Kampung Linsuk, Sook.

Sebelum ini, Utusan Malaysia melaporkan bapa kepada tiga beradik itu ditahan reman bagi siasatan mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksan kerana mengakibatkan kematian isteri yang juga ibu kepada tiga beradik tersebut.

Ibu kepada tiga beradik itu meninggal dunia pada 4 Februari lalu akibat kesan melecur yang teruk selepas disimbah petrol dan dibakar oleh bapa mereka di Kampung Tinagalan, Sook.

Wanita yang berusia 41 tahun itu dikatakan minum alkohol jenis tapai bersama suaminya di rumah mereka sebelum berlaku pertengkaran yang membawa kepada tindakan menyimbah petrol dan membakar badan mangsa.



## Kes bunuh bayi: Remaja mengaku bersalah, terlepas hukuman mati

Hidir Reduan Abdul Rashid  
Diterbitkan: Feb 13, 2024 1:18 PM - Dikemaskini: 2:46 PM

Seorang remaja mengaku bersalah atas pertuduhan membunuh anaknya yang baru lahir dua tahun lalu, di Mahkamah Majistret Kemaman hari ini.

Wanita berusia 17 tahun itu terlepas daripada hukuman bunuh selepas kesnya ditukar daripada pertuduhan bunuh kepada pertuduhan alternatif di bawah Seksyen 309A Kanun Keseksaan.

Dia sebelum ini dihadapkan dengan pertuduhan bunuh mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan, yang membawa hukuman mati mandatori jika sabit kesalahan.

Kesalahan membunuh anak di bawah Seksyen 309A membawa hukuman penjara tidak lebih 20 tahun dan denda.



Peguam remaja itu Sangeet Kaur Deo hari ini memberitahu *Malaysiakini* mengenai pengurangan pertuduhan jenayah berikenaan.

Peguam itu menjelaskan remaja tersebut diikat jamin sementara menunggu hukuman, yang ditetapkan pada 9 Mei.

Sangeet menambah bahawa Mahkamah Majistret juga memerintahkan "laporan akhlak" disediakan untuk menjatuhkan hukuman terhadap remaja itu.

### Kes kepentingan awam

Remaja itu menjadi tumpuan pada awal 2022, berikutan permohonan awal yang gagal untuk dibebaskan dengan ikat jamin sementara menunggu kes pembunuhan ketika itu.

Mahkamah Rayuan kemudian membenarkan remaja itu dibebaskan dengan ikat jamin pada Mei 2022.

Pada 15 Feb tahun yang sama, remaja itu didakwa atas tuduhan membunuh di hadapan Mahkamah Majistret Kemaman di Terengganu.

Menurut laporan *Malay Mail*, Majistret Tengku Eliana Kamaruzaman menolak pengakuan remaja itu untuk dibebaskan dengan ikat jamin.

Di bawah undang-undang Malaysia, kes bunuh merupakan kesalahan tidak boleh jamin, bermakna jaminan hanya diberikan mengikut budi bicara mahkamah.

Bagaimanapun, menurut peguam remaja itu, Nurainie Haziqah, Seksyen 388 Kanun Tatacara Jenayah membenarkan pengecualian dibuat jika orang yang didakwa sama ada sakit, bawah umur atau perempuan.

"Kami juga berhujah bahawa kes ini mempunyai kepentingan umum dan dilaporkan secara meluas oleh media. Mahkamah boleh menetapkan duluan (yang baik)," katanya.

Peguam remaja itu kemudian memfailkan permohonan semakan terhadap keputusan mahkamah tinggi yang menolak jaminannya.

Sebelum kehadirannya di Mahkamah Majistret, remaja itu direman tujuh hari pada Februari untuk memudahkan siasatan polis.

Pihak berkuasa juga sedang mencari teman lelaki gadis berusia 22 tahun itu, yang dipercayai telah merogolnya.

Dilaporkan bahawa bayi yang baru lahir itu ditemui mati pada 8 Feb 2022, di rumah gadis itu di Felcra Sri Bandi di Chukai, Kemaman.



## 15 years for causing death of her baby

Published on: Tuesday, February 13, 2024

By: Lagatah Toyos



**TAWAU:** A 24-year-old woman who caused the death of her new-born at the Tawau Hospital, last year, was jailed 15 years by the Session Court.

Mazidah Minggo pleaded guilty before Session Court Judge Rosli Ahmad to committing infanticide inside the female public toilet at the Emergency and Trauma Department of the hospital at 7.10am on Oct. 13, 2023.

The offence under Section 309 B of the Penal Code carries jail up to 20 years and fine, on conviction.

Deputy Public Prosecutor Mohd Suhaimi Suriana applied for a heavier sentence to be imposed on Mazidah as the offense was serious and based on public interest.

Suhaimi said the baby boy was Mazidah's biological child who should have been cared for and loved. He said the case also received extensive media coverage.

Unrepresented, Mazidah requested leniency saying she did not realise she was pregnant and was worried that her boyfriend would not take responsibility.

The court ordered Mazidah to serve the sentence from the date of her arrest which is on Oct. 19, 2023.



## Warden asrama di Kelantan didapati bersalah rogol, liwat pelajar

Harapandaily - February 13, 2024

Warden asrama sekolah menengah agama Pasir Mas Muhammad Nursalam Hazeman 30, telah didapati bersalah Mahkamah Majistret Pasir Mas terhadap lima pertuduhan merogol dan meliwat dua pelajar perempuan pada Julai dan Ogos.

Nursalam, 30 telah didapati bersalah merogol dua pelajar perempuan, seorang berumur 13 tahun yang dirogol tiga kali dan seorang pelajar berumur 14 tahun yang dirogol dan diliwat.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya, Mohd Faizuan Sulaiman, manakala tertuduh tidak diwakili peguam, lapor Harian Metro.

Mengikut pertuduhan pertama hingga keempat, tertuduh didakwa merogol remaja berusia 14 tahun pada 3, 10, 17 dan 24 Julai di sebuah rumah di Wakaf Bharu, Tumpat, 2.30 petang.

Pendakwaan dibuat di bawah Seksyen 376 (1) Kanun Keseksaan. Jika disabitkan kesalahan, tertuduh boleh dipenjarakan sehingga 20 tahun dan disebat.

Bagi pertuduhan kelima, tertuduh didakwa melakukan persetubuhan yang bertentangan dengan aturan tabii pada 3 petang di lokasi sama pada 1 Ogos.